


1. Maklumat dalam Gambar1 berkaitan dengan aktiviti perniagaan.



Gambar 1

Apakah aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh setiap perniagaan tersebut?

	X	Y
A	Aktiviti berasaskan perdagangan	Aktiviti berasaskan perkhidmatan
B	Aktiviti berasaskan perkhidmatan	Aktiviti berasaskan barang
C	Aktiviti berasaskan barang	Aktiviti berasaskan sumber
D	Aktiviti berasaskan perdagangan dan perkhidmatan	Aktiviti berasaskan perdagangan dan sumber alam

2. Apakah kelebihan perniagaan perkongsian berbanding milikan tunggal?
- A Mudah ditubuhkan
 - B Bergabung kepakaran
 - C Menanggung liabiliti terhad
 - D Bebas mengurus kepakaran

Lihat Halaman sebelah

3. Situasi berikut berkaitan dengan bentuk perniagaan lain

Encik Nelson telah menggunakan sejumlah wang persaraannya untuk mendapatkan lessen perniagaan francais daripada perniagaan Kenny Rogers Roasters

Apakah kelebihan perniagaan tersebut kepada Encik Nelson?

- A Menikmati ekonomi bidangan
 - B Mengembangkan perniagaan secara global
 - C Mekanisme untuk menembusi pasaran baharu
 - D Menggunakan jenama yang telah dikenali ramai
4. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

PERNIAGAAN X	PERNIAGAAN Y
Kemahiran dalam urusan guaman	Barang berasaskan getah
Mempunyai 85 orang pekerja tetap	

Apakah klasifikasi perniagaan bagi perniagaan X dan Y?

Perniagaan X		Perniagaan Y	
Saiz	Sektor	Saiz	Sektor
A Sederhana	Pengilangan	Sederhana	Pertanian
B Sederhana	Pengilangan	Besar	Pertanian
C Besar	Perkhidmatan	Sederhana	Pengilangan
D Besar	Perkhidmatan	Besar	Pengilangan

Lihat Halaman sebelah

5. Antara yang berikut, yang manakah cabaran utama yang dihadapi oleh perniagaan bersaiz besar?

- I Bebanan kerja
- II Masalah aliran tunai
- III Ketidakpastian pasaran
- IV Perundangan dan peraturan kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Situasi berikut merupakan isu yang wujud dalam trend semasa perniagaan.

Kegiatan memuat turun novel, puisi tanpa kebenaran penulis asal semakin menjadi sejak akhir-akhir ini.

Apakah yang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi situasi tersebut?

- A Melindungi peniaga daripada ditipu
- B Mewujudkan perundangan perniagaan
- C Memastikan peniaga tiada persaingan
- D Melindungi hak semua pihak

7. Apakah peranan kerajaan tempatan terhadap kegiatan perniagaan di sesebuah kawasan?

- A Mewujudkan kawasan industri
- B Membentuk syarikat perniagaan
- C Menyediakan kemudahan infrastruktur
- D Menjalinkan kerjasama dengan sektor swsta

8. Antara yang berikut, yang manakah punca berlakunya inflasi?
- I Peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang
 - II Peningkatan tinggi penawaran berbanding permintaan barang
 - III Penduduk meramalkan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan
 - IV Kenaikan kos pengeluaran baran dan perkhidmatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
9. Sebagai seorang pengguna yang bijak, apakah langkah yang harus diambil semasa keadaan inflasi?
- A Meningkatkan pembelian barangan mewah
 - B Mengelakkan daripada pinjaman bank
 - C Mengutamakan perbelanjaan bagi barang keperluan
 - D Bekerja lebih masa unntuk meningkatkan pendapatan
10. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?
- A Guna tenaga semakin menurun
 - B Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
 - C Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat
 - D Jualan dan keuntungan perniagaan yang menurun
11. Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan?
- I Teknologi
 - II Sosiobudaya
 - III Kewangan
 - IV Sumber manusia
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Lihat Halaman sebelah

12. Maklumat di bawah berkaitan faktor luaran yang menjadi ancaman kepada sesebuah syarikat.

- Penggunaan tenaga solar mungkin memberi impak kepada penurunan permintaan tenaga elektrik, sekali gus memberi keseimbangan ekonomi negara pada masa hadapan.
- Bagi organisasi yang mempunyai kawasan lapangan, projek tenaga solar mampu menjana pendapatan dalam tempoh lima tahun sekurang-kurangnya.

Apakah faktor luaran tersebut?

- A Teknologi
 - B Ekologi
 - C Ekonomi
 - D Politik
13. Apakah yang dimaksudkn dengan Visi?
- A Satu perancangan jangka pendek di dalam sesebuah organisasi
 - B Satu perancangan jangka panjang di dalam sesebuah organisasi
 - C Maklumat tentang tujuan perniagaan dengan tepat dan khusus
 - D Satu ketetapan menjelaskanaktiviti organisasi yang akan dilaksanakan untuk menghasilkan misi
14. Syarikat Perabot Azam mensasarkan pengeluaran Perabot Jati sebanyak 5,000 buah perabot dalam tempoh masa setahun bagi memenuhi permintaan pelanggan dalam dan luar negara.
- Nyatakan ciri-ciri SMART dalam penetapan objektif Syarikat Perabot Azam?
- A Jangka masa
 - B Spesifik
 - C Munasabah
 - D Boleh dicapai

Lihat Halaman sebelah

15. Mengapakah penetapan visi penting untuk sesebuah organisasi perniagaan ?
- I Membantu mencapai matlamat penubuhan organisasi
 - II Bertindak sebagai garis panduan pekerja bahagian operasi
 - III Menjadi pendorong kepada pihak pengurusan dan pekerja
 - IV Membantu meningkatkan jualan dan keuntungan dalam jangka pendek
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

16. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran bagi 30 000 unit produk Z.

	RM
Kos tetap	420,000
Bahan Langsung	140,000
Buruh Langsung	100,000

Berapakah titik pulang modal (unit) bagi pengeluaran produk Z sekiranya harga jualan produk itu ialah RM15 seunit?

- A 60 000 unit
- B 56 000 unit
- C 42 000 unit
- D 36 000 unit

17. Maklumat di bawah ini merujuk kepada peranan salahsatu bahagian fungsian dalam organisasi.

- Menentukan pemilihan pembekal yang sesuai
- Menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat
- Menerima tempahan belian

Apakah fungsian yang berkenaan?

- A Kewangan
 - B Jualan
 - C Pembelian
 - D Pengeluaran
18. Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan tujuan bahagian fungsian?
- I Boleh melatih lebih ramai pekerja
 - II Dapat mengurangkan kos dan masalah dalam pengurusan
 - III Mewujudkan pengkhususan dalam bidang tugas
 - IV Memperolehi keuntungan yang banyak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Lihat Halaman sebelah


19. Gambar 2 berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat.



Gambar 2

Mengapakah penggunaan aplikasi tersebut sangat penting kepada sesebuah organisasi?

- A Mengurangkan gangguan dalam telekomunikasi
 - B Meningkatkan komunikasi dalam kalangan pekerja
 - C Maklumat dapat disampaikan dengan lebih tepat
 - D Maklumat perniagaan dapat dihantar dengan lebih mudah dan cepat
20. Rajah 1 menunjukkan proses komunikasi



Rajah

Apakah yang berlaku di **P**?

- A Memproses maklumat yang dihantar
- B Memahami mesej yang dihantar
- C Mengolah idea agar difahami
- D Membuat tindakan terhadap maklumat

Lihat Halaman sebelah

21. Yang manakah maksud pengurusan sumber manusia?
- A Usaha untuk membina imej baik organisasi
 - B Usaha untuk membangun tenaga kerja dalam organisasi
 - C Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
 - D Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

22. Maklumat tersebut berkaitan aspek pengelolaan sumber manusia?

Wasson ialah perniagaan berasaskan butik kesihatan dan kecantikan. Perniagaan telah menetapkan pekerja-pekerjanya untuk mengimbas kod MySejahtera dan memakai pelitup muka semasa bekerja.

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia yang terlibat?

- A Penyelesaian masalah
 - B Penempatan pekerja dan fasiliti
 - C Struktur organisasi
 - D Standard prosedur operasi tugas
23. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran keboleherjaan.

Dania seorang pekerja yang mahir menggunakan pelbagai perisian komputer yang terkini. Dia juga dapat menyampaikan maklumat dan pembentangan dalam pelbagai bahasa

Apakah kemahiran keboleherjaan yang dimiliki oleh Dania?

- A Kemahiran berkomunikasi dan inisiatif dan keusahawanan
- B Keupayaan pembelajaran dan kerja berpasukan
- C Kemahiran berkomunikasi dan penggunaan teknologi terkini
- D Penyelesaian masalah dan kerja berpasukan

Lihat Halaman sebelah

24. Apakah tujuan utama sesebuah perniagaan mengurus sumber teknologi?
- A Menjaga perniagaan daripada ancaman cetak rompak dan peniruan
 - B Mengelakkan perniagaan dikenakan cukai yang tinggi
 - C Memastikan kualiti produk berada dalam keadaan yang baik
 - D Menjimatkan kos penyelenggaraan harta intelek
25. Antara berikut, yang manakah prosedur mengurus sumber teknologi?
- I Perlindungan insurans dan keselamatan
 - II Mendaftarkan paten dengan MyIPO
 - III Mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara
 - IV Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
26. Muzakir merupakan seorang juruteknik di sebuah kilang. Apakah tugas yang perlu dilakukan oleh Muzakir supaya operasi kilang berjalan lancar?
- A Melantik penyelia yang berpengalaman
 - B Mengambil insurans kebakaran kilang
 - C Melakukan penyelenggaraan mesin secara berkala
 - D Mendaftarkan paten dengan MyIPO
27. Apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai untuk Encik Asri yang ingin membeli sebuah van untuk perniagaannya?
- A Pajakan
 - B Ar-Rahnu
 - C Pemfaktoran
 - D Sewa beli

28. Gambar 3 di bawah menunjukkan sumber pembiayaan.




Gambar 3

Pilih padanan yang betul

	Kekuatan	Kelemahan
A	Tidak memerlukan cagaran	Jumlah pinjaman terhad
B	Tidak dikenakan faedah	Jumlah pinjaman tidak boleh disesuaikan
C	Tiada persaingan	Dikenakan faedah yang tinggi
D	Jumlah pinjaman tidak terhad	Tertakluk kepada terma dan syarat

29. Rajah di bawah menunjukkan prosedur permohonan pembiayaan dari sebuah bank.



Apakah proses X?

- A Penyediaan rancangan perniagaan
- B Menghantar borang permohonan
- C Memperoleh surat kelulusan pembiayaan
- D Mendapatkan khidmat nasihat kewangan daripada pegawai bank

Lihat Halaman sebelah

30. Pernyataan manakah yang menerangkan penyata kewangan?
- A Laporan aktiviti jual beli dalam perniagaan
 - B Laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan bagi suatu tempoh tertentu
 - C Laporan kewangan mengenai keuntungan dalam syarikat sahaja
 - D Laporan transaksi kewangan yang dikeluarkan oleh pihak bank

31. Maklumat berkaitan dengan kegunaan penyata kewangan perniagaan.

- Menilai prestasi perniagaan
- Membuat perbandingan prestasi kewangan
- Merancang pengagihan sumber

Apakah pihak berkepentingan yang tepat dengan maklumat di atas?

- A Pemegang saham
 - B Pihak pengurusan
 - C Pelabur
 - D Pembiaya kewangan
32. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Pura Kencana

Butiran	RM
Untung Kasar	63 500
Untung Bersih	42 600
Jualan	108 000
Belanja	20 900
Modal awal	110 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal bagi perniagaan tersebut?

- A. 58.80%
- B. 57.73%
- C. 39.44%
- D. 38.73%

Lihat Halaman sebelah

33. Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah Firma pada 31 Disember 2020

	RM
Aset semasa	24 000
Liabiliti semasa	8 000
Aset bukan semasa	48 000
Liabiliti bukan semasa	4 000

Hitungkan nisbah semasa

- A. 2:1
B. 3:1
C. 4:1
D. 6:1
34. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sifat berani mengambil risiko sebagai seorang usahawan?
- A Mempunyai semangat untuk bekerja dalam satu pasukan bagi mencapai matlamat perniagaan
B Mengambil suatu tindakan untuk memulakan perniagaan yang belum pasti berjaya
C Berupaya mengubahsuai sesuatu produk yang sedia ada
D Berkemampuan menghasilkan produk baharu
35. Mengapakah kerjaya sebagai ahli perniagaan boleh mendatangkan faedah kepada matlamat peribadi seseorang usahawan?
- A Dapat melaksanakan tanggungjawab social perniagaan
B Menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat
C Memberi kebebasan mutlak untuk mengurus diri serta ahli keluarga
D Boleh menghasilkan pelbagai produk yang dapat memenuhi keperluan masyarakat

Lihat Halaman sebelah

36. Maklumat berikut berkaitan dengan proses penubuhan perniagaan.

Perniagaan yang meliputi tiap-tiap bentuk tred, perdagangan, pertukangan, pekerjaan, profesion atau apa-apa aktiviti yang bermatlamatkan keuntungan adalah perlu didaftarkan

Antara yang berikut, akta manakah yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Akta Francais 1998 (pindaan 2012)
 - B Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
 - C Akta Syarikat 2016
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
37. Rajah menunjukkan dokumen perniagaan yang perlu disimpan oleh sesebuah perniagaan.

invoice LOGO

FROM: East Repair Inc., 1912 Harvard Lane, New York, NY 12210
 INVOICE #: US-001
 INVOICE DATE: 11/02/2019
 P. O. #: 2312/2019
 DUE DATE: 26/02/2019

BILL TO: John Smith, 2 Court Street, New York, NY 12210
 SHIP TO: John Smith, 282 Franklin Drive, Cambridge, MA 12210

QTY	DESCRIPTION	UNIT PRICE	AMOUNT
1	Front end motor brake cables	100.00	100.00
2	New set of pedal arms	15.00	30.00
3	Labor (hrs)	5.00	15.00
Subtotal			145.00
Sales Tax @ 25%			9.06
TOTAL			\$154.06

John Smith

TERMS & CONDITIONS
 Payment is due within 15 days.
 Please make checks payable to: East Repair Inc.

Apakah dokumen 'X'?

- A Dokumen yang mengandungi catatan pembelian yang dilakukan
- B Dokumen yang mengandungi catatan aktiviti yang dilakukan
- C Rekod yang mengandungi maklumat ambilan oleh pemilik perniagaan
- D Dokumen yang mengandungi catatan aktiviti perbelanjaan selain kos pembelian barang niaga

Lihat Halaman sebelah

38. Antara berikut, yang manakah merupakan padanan definisi pemasaran dan jualan yang tepat?

	PEMASARAN	JUALAN
A	Strategi, proses, kaedah menyalurkan produk atau perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna	Pertukaran hak milik produk antara pembeli dengan penjual untuk memaksimumkan keuntungan
B	Pertukaran hak milik produk antara pembeli dengan penjual untuk memaksimumkan keuntungan	Strategi, proses, kaedah menyalurkan produk atau perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna
C	Strategi, proses, kaedah menyalurkan produk atau perkhidmatan daripada pengguna kepada pengeluar	Pertukaran hak milik produk antara pembeli dengan penjual untuk memaksimumkan kepuasan
D	Pertukaran hak milik produk antara pembeli dengan penjual untuk memaksimumkan kepuasan	Strategi, proses, kaedah menyalurkan produk atau perkhidmatan daripada pengguna kepada pengeluar

39. Apakah rancangan perniagaan?
- A Dokumen bertulis yang menerangkan pengagihan sumber perniagaan
 - B Dokumen bertulis yang menerangkan perancangan perniagaan jangka masa panjang
 - C Dokumen bertulis yang menerangkan matlamat dan sasaran perniagaan
 - D Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan secara menyeluruh

Lihat Halaman sebelah

40. Antara berikut yang manakah kepentingan penyediaan rancangan perniagaan?
- I Menjangka risiko dan masalah yang akan dihadapi
 - II Merancang keperluan modal perniagaan
 - III Mengagihkan sumber perniagaan
 - IV Meyakinkan pihak pembiaya
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT